

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 MEI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 23

### Kesan kenaikan OPR mula dirasai

Peningkatan perbelanjaan berpotensi mengurangkan peminjaman

Oleh Mahanun Abdul Aziz  
mahanun\_aziz@bh.com.my

**Kenaikan Kadar Dasar Semalam**an (OPR) kepada 3.0 peratus baru-baru ini dijangka mempengaruhi trajektori pertumbuhan dalam suku semasa, demikian kata TA Securities.

Ketua Penyelidiknya, Kaladher Govindan, berkata adalah penting untuk menyedari bahawa kenaikan kadar faedah secara amnya menyebabkan peningkatan kos pinjaman untuk individu dan perniagaan.

Beliau berkata, kadar faedah yang lebih tinggi diterjemahkan kepada peningkatan perbelanjaan pinjaman daripada bank, yang berpotensi menyebabkan pengu-



BNM tidak melihat apa-apa tanda tekanan dalam ekonomi buat masa ini.

rangan aktiviti peminjaman, se- terusnya memperlakukan pelaburan dan penggunaan.

Katanya, kenaikan kadar fae- dah terkesan kepada individu yang mungkin menghadapi kadar gadai janji lebih tinggi, ber- potensi menjajaskan keupayaan mereka untuk membeli rumah atau melabur dalam hartanah.

"Begitu juga dengan perniagaan, berkemungkinan menghad-

pi cabaran dalam mengakses kredit mampu milik untuk projek pembesaran atau pelaburan, yang boleh melembapkan aktiviti ekonomi."

"Bagaimanapun, semasa taklimat penganalisis yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), bank pusat tidak melihat apa-apa tanda tekanan dalam ekonomi buat masa ini," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Kaladher berkata, jika kepu- tusan bank pusat untuk menge- kalkan kadar faedah berbeza de- ngan langkah yang dibuat oleh bank pusat utama lain untuk me- naikkan kadar, terdapat kemungkinan pengaliran keluar modal yang lebih besar dari negara.

Beliau berkata, ia berikutkan pe- labur mungkin mencari pulau- ngan yang lebih tinggi di tempat lain, mengakibatkan penurunan dalam pelaburan asing dan ber- potensi melemahkan mata wang negara.

"Justeru, penting untuk memantau secara rapat faktor-faktor ini kerana ia boleh memben- tut prestasi ekonomi secara ketara dan keputusan strategik ter- baik pada suku akan datang," katanya.

#### Daya tahan ekonomi

Kaladher berkata, secara keseluruhan lanskap ekonomi Ma- laysia dijangka memamerkan daya tahan, disokong oleh pasaran tenaga kerja yang berkem- bang dan permintaan domestik yang konsisten.

"Paling penting, beliau berkata negara ini menyaksikan pen- runan progresif kadar pengang- guran yang mencecah serendah 3.5 peratus pada Mac 2023, paras terendah sejak Februari 2020.

Katanya, ini menghasilkan pu- rata kadar pengangguran 3.5 pe- ratus pada suku pertama 2023, berbanding dengan 3.6 peratus pada suku keempat 2022.

"Dalam masa sama, terdapat penurunan mendadak purata jumlah pengangguran dengan angka pada Mac lalu berada pada 588,700 orang berbanding dengan 669,200 orang pada Mac 2022.

"Selain itu, jumlah individu be- kerja berterusan meningkat, mencecah rekod tertinggi 16.22 juta orang pada bulan sama. Per- kembangan menggalakkan dalam pasaran buruh ini ditunjukkan menerusi penurunan kadar pengangguran dan pening- katan jumlah individu bekerja, adalah penting dalam memper- kukuh kestabilan ekonomi Ma- laysia.

"Trend seperti itu mencerminkan kemantapan permintaan do- mestik, mencetuskan persekitaran positif bagi pertumbuhan dan kemakmuran ekonomi yang mampan," katanya.